



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000

Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

### Untuk Siaran Segera

#### **BAJET 2015: MCMC POSITIF TERHADAP PENINGKATAN KANDUNGAN DIGITAL KREATIF**

**Cyberjaya, 10 Oktober** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) positif bahawa Bajet 2015 memberi kesinambungan kepada usaha berterusan negara dalam merencanakan industri komunikasi dan multimedia ke arah mencapai tahap negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

“Bajet kali ini lebih memberi fokus kepada peningkatan kandungan digital kreatif dan jelas menunjukkan komitmen kerajaan dalam usaha menjana pembangunan ekonomi maya. Usaha ini penting dalam melonjakkan kandungan digital tempatan ke persada antarabangsa,” kata Pengerusi MCMC, Dato’ Mohamed Sharil Tarmizi. “Ianya juga selari dengan inisiatif kita baru-baru ini yang dilihat dalam penganjuran ekspo dan persidangan KL Converge ([www.klconverge.com](http://www.klconverge.com)) yang telah memaparkan potensi industri kreatif tempatan dan serantau dengan mewujudkan suatu platform penyatuan ide-ide dan pengagihan kandungan digital,” tambahnya. KL Converge merupakan inisiatif Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia hasil cetusan mantan menterinya, Tan Sri Dr Rais Yatim dan dilangsungkan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia kini, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek.

Lanjutan daripada peruntukan RM200 Juta kepada MyCreative Ventures pada tahun 2012, Bajet 2015 meneruskan inisiatif merencanakan industri kreatif melalui Dana Industri Kandungan Digital dengan peruntukan sebanyak RM100 Juta di bawah MCMC. Kandungan digital merangkumi industri kreatif seperti animasi, perfileman, seni reka, warisan budaya serta kandungan dalam talian termasuk portal internet dan aplikasi mudah alih.

“Kami juga berterima kasih kepada kerajaan atas usaha meningkatkan keupayaan jalur lebar berkelajuan tinggi untuk terus merapatkan jurang digital dalam kalangan rakyat negara ini serta memacu budaya gaya hidup digital,” kata Dato’ Mohamed Sharil.

Lanjutan daripada Bajet 2014, tahun ini, Bajet 2015 terus memberi komitmen kepada peruntukan sebanyak RM2.7 Billion bagi tempoh tiga tahun untuk membangunkan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan ekonomi berimpak tinggi, meliputi ibu negeri dan bandar-bandar terpilih di seluruh negara. Ia juga melibatkan pembinaan 1,000 menara pencawang telekomunikasi baharu dan pembinaan kabel dasar laut bagi meningkatkan capaian internet di Sabah dan Sarawak.



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000

Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

[TAMAT]

### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: [ccd@cmc.gov.my](mailto:ccd@cmc.gov.my)